

20/08/2001

Elak pengaruh politik ketika beri ajaran Islam

KEAMANAN tidak akan diperoleh tanpa pembangunan dan begitulah sebaliknya kerana kedua-duanya saling berkait rapat. Perkataan `aman' bukan saja sudah sebatu dan disebut umat Islam setiap kali memberi salam, malah umat Islam hendaklah turut bertanggungjawab menjadikan keamanan sebagai cara hidup bagi mencapai pembangunan. Tentunya mencari alasan untuk bergaduh sesama sendiri dan dengan orang lain bukanlah cara Islam.

Namun, apakah bentuk keamanan dan pembangunan yang akan diperoleh pada masa depan apabila kelas pengajian agama di sekolah dicemari dorongan untuk membenci kerajaan hanya kerana fahaman politik berlawanan? Apakah juga bentuk hidup bermasyarakat yang akan dihadapi apabila sesetengah remaja hari ini tergamak mengoyakkan al-Quran - kitab yang diturunkan sebagai panduan lengkap kepada umat Islam - hanya kerana didorong pemujaan terhadap syaitan?

Untuk memperbetulkannya, antara jalan yang ada ialah dengan kembali kepada perkara asas. Sebagaimana dinyatakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Sana`a, Yemen kelmarin, hanya penyampaian ajaran Islam yang betul, baik di bilik darjah mahupun pada majlis ceramah, dapat memastikan umat Islam sentiasa berpegang teguh kepada ajaran Islam. Ia tidak hanya menjadi tanggungjawab ulama, malah guru agama tidak terkecuali, dengan syarat mereka tidak menyerapkan pengaruh lain termasuk politik. Kita harus akur bahawa ancaman buat umat Islam hari ini semakin kompleks dengan tujuan melemahkan mereka. Penekanan hendaklah ditumpukan kepada ajaran yang dapat menghindarkan umat Islam daripada menyimpang daripada landasan Islam sebenar.

(END)